



14 Disember 2015  
14 December 2015  
P.U. (A) 293

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (PINDAAN) (NO. 2) 2015

### *GOODS AND SERVICES TAX (AMENDMENT) (NO. 2) REGULATIONS 2015*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014  
PERATURAN-PERATURAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN  
(PINDAAN) (NO. 2) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 177 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [Akta 762], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pindaan) (No. 2) 2015**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2016.

**Pindaan peraturan 2**

2. Peraturan-Peraturan Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [P.U. (A) 190/2014], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam tafsiran “tahun cukai”, dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “sepatutnya” dengan perkataan “bertanggungungan untuk”.

**Pindaan peraturan 38**

3. Subperaturan 38(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (e) dengan perenggan yang berikut:

“(e) jika tuntutan itu berkenaan dengan perkhidmatan diimport—

(i) suatu dokumen yang menyatakan penuntut telah membuat bayaran bagi perkhidmatan yang digunakan, jika masa pembekalan ialah masa yang dirujuk dalam perenggan 13(4)(a) Akta; atau

(ii) inois yang dikeluarkan atas nama penuntut oleh seorang pembekal yang tempatnya di suatu negara selain Malaysia atau yang menjalankan perniagaan di luar Malaysia, jika masa

pembekalan ialah masa yang dirujuk dalam perenggan 13(4)(b) Akta.”.

**Pindaan peraturan 41**

4. Peraturan 41 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (h), dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan itu;
- (b) dalam perenggan (i), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan koma bernoktah; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (i) perenggan yang berikut:  
  
“(j) mana-mana syarikat pemegang pelaburan.”.

**Pindaan peraturan 58**

5. Subperaturan 58(3) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (a), (b) dan (c), dengan menggantikan perkataan “orang berdaftar” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “orang kena cukai”;
- (b) dalam perenggan (d), dengan menggantikan perkataan “; dan” di hujung perenggan itu dengan noktah; dan
- (c) dengan memotong perenggan (e).

**Pindaan peraturan 85**

6. Subperaturan 85(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “81(1)(b)” dengan perkataan “81(b)”.